



23 Jun 2026
23 June 2026
P.U. (A) 229

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN BAGI PENGAMBILAN KERJA
INDIVIDU YANG DILULUSKAN) 2026

*INCOME TAX
(DEDUCTION FOR EMPLOYMENT OF APPROVED
INDIVIDUAL) RULES 2026*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN BAGI PENGAMBILAN KERJA INDIVIDU YANG DILULUSKAN) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] dibaca bersama-sama perenggan 33(1)(d) Akta, Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pengambilan Kerja Individu yang Diluluskan) 2026**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2025 hingga tahun taksiran 2027.

Potongan

2. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan seseorang majikan yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi suatu amaun yang bersamaan dengan lima puluh peratus daripada saraan jenis yang dibenarkan di bawah seksyen 33 Akta yang kena dibayar olehnya kepada orang yang diluluskan.

(2) Majikan yang layak hendaklah mematuhi syarat yang dikenakan oleh Menteri dan pematuhan syarat itu hendaklah ditentusahkan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad.

(3) Potongan yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah bagi suatu tempoh tidak melebihi dua belas bulan berturut-turut.

(4) Amaun potongan yang dibenarkan di bawah subkaedah (1) hendaklah sebagai tambahan kepada apa-apa potongan di bawah seksyen 33 Akta.

(5) Bagi maksud kaedah ini—

“individu yang diluluskan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pendapatan Individu yang Diluluskan) (Wanita Kembali Bekerja Selepas Berhenti Bekerja Secara Sementara) (Pengecualian) 2026 [*P.U. (A) 215/2026*];

“majikan yang layak” ertinya mana-mana orang yang mengambil kerja individu yang diluluskan tidak termasuk—

- (a) suatu syarikat yang dikawal sama ada secara langsung atau secara tidak langsung oleh individu yang diluluskan itu;
- (b) suatu ketuanpunyaan tunggal; atau
- (c) saudara individu yang diluluskan itu yang merupakan ibu atau bapa termasuklah ibu atau bapa mertua, anak termasuklah anak tiri atau anak angkat mengikut mana-mana undang-undang, abang, kakak atau adik, datuk, nenek atau cucu atau pasangan;

“Talent Corporation Malaysia Berhad” ertinya suatu syarikat berhad menurut jaminan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dengan nombor pendaftarannya 919577-H dan bermastautin di Malaysia.

Dibuat 10 Jun 2026

[MOF.TAX(S)700-2/7/2212; LHDN.AY.A 600-12/1/7(29)-399; PN(PU2)80/JLD.116]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967*]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR EMPLOYMENT OF APPROVED INDIVIDUAL)
RULES 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] read together with paragraph 33(1)(d) of the Act, the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Employment of Approved Individual) Rules 2026**.

(2) These Rules have effect from the year of assessment 2025 to the year of assessment 2027.

Deduction

2. (1) For the purpose of ascertaining the adjusted income of a qualifying employer in the basis period for a year of assessment, a deduction shall be allowed for an amount equivalent to fifty per cent of the remuneration of the kind allowable under section 33 of the Act payable by him to an approved individual.

(2) A qualifying employer shall comply with the conditions imposed by the Minister and the compliance of the conditions shall be verified by Talent Corporation Malaysia Berhad.

(3) The deduction referred to in subrule (1) shall be for a period not exceeding twelve consecutive months.

(4) The amount of deduction allowed under subrule (1) shall be in addition to any deduction under section 33 of the Act.

(5) For the purposes of this rule—

“approved individual” has the meaning assigned to it in the Income Tax (Income of Approved Individual) (Women Returning to Work After Ceasing from Employment Temporarily) (Exemption) Order 2026 [*P.U. (A) 215/2026*];

“qualifying employer” means any person who employs the approved individual excluding—

- (a) a company which is controlled either directly or indirectly by the approved individual;
- (b) a sole proprietorship; or
- (c) a relative of the approved individual who is a parent including a parent-in-law, a child including a stepchild or a child adopted in accordance with any law, a brother or sister, a grandparent or grandchild or a spouse;

“Talent Corporation Malaysia Berhad” means a company limited by guarantee incorporated under the Companies Act 2016 [*Act 777*] with its registration number of 919577-H and is resident in Malaysia.

Made 10 June 2026

[MOF.TAX(S)700-2/7/2212; LHDN.AY.A 600-12/1/7(29)-399; PN(PU2)80/JLD.116]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Minister of Finance II

[*To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967*]